

13 MAY 1997

Mahathir-cuti

AKHBAR BEBAS BUAT SPEKULASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata akhbar bebas membuat spekulasi berhubung keputusannya untuk bercuti selama dua bulan bermula 19 Mei ini.

"Saya berpendapat akhbar bebas untuk membuat spekulasi," katanya setelah ditanya oleh seorang wartawan asing mengenai cuti beliau dan dalam tempoh itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan dilantik pemangku Perdana Menteri.

Wartawan wanita itu berkata terdapat pelbagai spekulasi mengenai cuti yang panjang itu. Dia kemudian menyebut tiga daripada apa yang dikatakan sebagai spekulasi itu.

Satu ialah bahawa Dr Mahathir ingin "menguji" keupayaan Anwar dan satu lagi ialah disebabkan Perdana Menteri mungkin sakit.

Yang ketiga, menurut wartawan itu, mungkin disebabkan Dr Mahathir mahu mempromosikan Koridor Raya Multimedia semasa cutinya di luar negara.

Apabila wartawan itu menjelaskan bahawa spekulasi itu bukannya daripada media, Dr Mahathir berkata : "Macam manapun, mereka akan membuat spekulasi menerusi akhbar."

"Jadi, kenapa kamu tidak beritahu saja mereka supaya menerima mana-mana satu daripada tiga (spekulasi)," kata Perdana Menteri.

Khamis lepas, Dr Mahathir berkata cuti beliau itu tidak ada kaitan dengan kesihatannya.

Menurutnya beliau mengambil cuti itu untuk rehat sambil mengendalikan beberapa urusan serta melakukan lawatan rasmi ke beberapa negara. --

BERNAMA

ES MAI